

**ENAKMEN 12 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN VIII - PELBAGAI
Kesahatarafan Anak**

Seksyen 111. Siapakah yang dikaitkan sebagai bapa.

Jika seseorang perempuan yang berkahwin dengan seseorang lelaki melahirkan seorang anak lebih daripada enam bulan *qamariah* dari tarikh perkahwinannya itu atau dalam masa empat tahun *qamariah* selepas perkahwinannya itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu, tetapi lelaki itu boleh, dengan cara *li'an* atau kutukan, menafikan anak itu sebagai anaknya di hadapan Mahkamah.
